

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [BAGAN DATUK] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah kesan besar terhadap Amerika Syarikat memboikot produk sawit keluaran Felda *Global Ventures* (FGV) dan akibatnya terhadap eksport produk sawit Malaysia bagi tahun 2020.

JAWAPAN

Eksport produk sawit Malaysia ke Amerika Syarikat secara amnya tidak menghadapi sebarang sekatan dagangan kecuali produk keluaran syarikat FGV Holdings Berhad (FGV). Eksport produk sawit Malaysia keluaran syarikat FGV Holdings Berhad (FGV) ke Amerika Syarikat mula disekat pada 30 September 2020. Ini adalah kerana *Withhold Release Order* (WRO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (*U.S. Customs & Border Protection* - CBP) berikutan petisyen berkaitan isu buruh paksa terhadap pihak FGV. Pihak FGV telah mengadakan sidang mesyuarat secara maya pada bulan Oktober 2020 dengan pihak berkuasa Amerika Syarikat bagi mendapatkan penjelasan berhubung sekatan import tersebut.

Kementerian difahamkan, pihak berkuasa Amerika Syarikat tidak memberi penjelasan secara terperinci berhubung hasil kajian yang mendorong kepada sekatan import terhadap produk FGV. Namun, bersedia menimbang semula sekiranya terdapat maklumat baharu atau laporan daripada pihak audit bersifat bebas yang boleh dipercayai. Kementerian dimaklumkan FGV akan melantik juruaudit bebas dalam masa terdekat. Pejabat MPOB di Amerika Syarikat turut berhubung dengan pihak berkuasa Amerika Syarikat untuk berbincang mengenai perkara ini.

Pihak Kementerian sememangnya memandang serius isu ini kerana FGV merupakan antara pemain industri sawit Malaysia yang utama. Rantai pengeluaran produk sawit FGV turut melibatkan hampir 100,000 peneroka Felda di seluruh negara dengan keluasan tanaman sawit berjumlah 432,721 hektar.

Di samping itu, Kementerian telah dan akan mengambil inisiatif secara holistik bagi menangani isu-isu seperti ini sebagaimana berikut:

- a) memberi bantuan, maklumat dan pandangan kepada FGV sejak petisyen terhadap syarikat mereka dikemukakan pada pertengahan tahun 2019 supaya sekatan yang dikenakan dapat dibatalkan (*revoke*) melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);

- b) membentangkan Nota Jemaah Menteri berkaitan laporan akhir hasil kajian menyeluruh situasi buruh di sektor perladangan sawit Malaysia pada 21 Oktober 2020. Laporan akhir kajian telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Buruh Amerika Syarikat (USDOL) melalui Nota Diplomatik Kementerian Luar Negeri kepada Kedutaan Besar Amerika Syarikat bertarikh 4 November 2020. Serahan salinan laporan kepada US DOL telah dikemukakan kepada Kedutaan Besar Malaysia di Amerika Syarikat dan laporan kajian dalam format PDF juga boleh dimuat turun di laman web Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK);
- c) mengadakan sesi penerangan dan dialog guna tenaga di sektor perladangan sawit pada 24 Ogos 2020 dan 2 Disember 2020, sesi dialog ini diadakan dengan penglibatan daripada Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bagi memberi kesedaran kepada pihak industri sawit Malaysia mengenai isu-isu buruh paksa dan kanak-kanak serta menggalakkan amalan perburuhan yang baik;
- d) menganggotai Jawatankuasa Teknikal *Task Force* Berhubung Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan Bagi Sektor Perladangan yang ditubuhkan bagi meningkatkan kerjasama strategik antara Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan berkaitan serta pihak pertubuhan/persatuan industri dalam menyelaraskan aktiviti promosi dan meningkatkan amalan-amalan perburuhan yang baik dan sihat; dan
- e) mempromosi Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) di Amerika Syarikat bagi menangkis tanggapan negatif terhadap minyak sawit Malaysia. Ia merupakan langkah strategik bagi meningkatkan daya saing dan memperkukuh industri sawit negara selari dengan kehendak negara pengimport dan pengguna sawit seluruh dunia yang mahu produk itu dihasilkan secara mampan.

Sekian, terima kasih.